

TUAN GURU NIK ABDUL AZIZ DALAM KENANGAN

Oleh: Nik Muhammad Na'im Nizam, 1172408,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Disiarkan pada 1 Ogos 2020



Ketokohan Tuan Guru Nik Abdul Aziz disenangi ramai. Sumber gambar fail dari Facebook

Selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW, para ulama dan cendekiawan Islam merupakan suri teladan terbaik dalam membimbing ummah ke arah kelangsungan hidup yang lebih baik di dunia dan di akhirat.

Cendekiawan Islam sejak era kegemilangan Islam hinggalah ke akhir zaman ini terlalu ramai dan peranan mereka mencakupi segenap lapangan kehidupan termasuk pemerintahan negara dan hal ehwal Islam sejagat.

Antara ulama ataupun cendekiawan Islam yang boleh dijadikan ikutan ialah Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Beliau merupakan seorang ulama dan tokoh politik Islam terkenal di Malaysia khususnya dan di seantero dunia amnya. Bekas Mursyidul Am PAS itu juga merupakan seorang Menteri Besar Kelantan yang luar biasa.

Pesan Nabi Muhammad SAW, “Anak kecil itu dilahirkan dalam keadaan fitrah. Ibu bapanya yang membentuknya menjadi Yahudi, Nasrani, ataupun Majusi.”

Di sinilah keuntungan Allahyarham Nik Abdul Aziz. Beliau diasuh sendiri oleh bapanya yang cukup mementingkan ajaran Islam.

Setiap malam, setiap adik beradiknya mesti membaca al-Quran. Apa yang menarik, Tuan Guru menunjukkan tahap kecerdasan yang tinggi sejak kecil lagi.

Beliau dapat memahami pelajaran dengan cepat. Bakat beliau jelas apabila mampu menandingi teman-teman sepengajiannya yang lebih tua.

Nik Abdul Aziz kemudian diberi kepercayaan bagi menggantikan tempat bapanya mengajar kanak-kanak lain membaca ayat-ayat lazim al-Quran atau muqaddam.



Kesederhanaan beliau dipandang tinggi oleh masyarakat. Sumber gambar, 'Nik Aziz Kelantan' by Fayez

Dari segi gaya hidup dan perwatakan, beliau amat mengutamakan kesederhanaan dan tidak bermewah-mewah walaupun memegang jawatan yang besar.

Tiada barang mewah dan perkara yang membazir. Begitulah juga dari segi cara berpakaian. Ciri-ciri keperibadian yang unggul amat penting dalam menjayakan misi kepimpinannya yang berteraskan konsep pemimpin berkhidmat untuk rakyat.

Keperibadian unggul beliau boleh dijadikan sebagai figura hebat dalam masyarakat. Allahyarham juga teliti membancuh personalitinya.

Ikon beliau ialah Rasulullah SAW. Biarpun beliau bercerminkan keperibadian Nabi Muhammad SAW tetapi itu tidak pernah menyekat beliau untuk menyesuaikan idealisme dengan nilai-nilai setempat.

Allahyarham Nik Abdul Aziz telah membuktikan bahawa beliau mampu melakukannya. Contohnya, walaupun memakai baju Melayu, beliau memilih untuk melilitkan serban di kepala.



Kepimpinan beliau membawa dasar Islam disegani segenap lapisan masyarakat. Sumber gambar Facebook

Pemergian beliau pada 12 Februari 2015 amat dirasai oleh rakyat Kelantan khususnya. Sumbangan Tuan Guru dalam aspek pendidikan, pentadbiran termasuk perkara yang berkaitan Islam dan ekonomi Islam adalah amat besar dan dikagumi pemimpin-pemimpin di dalam dan luar negara.